

# Ghazali Shafie dipilih Ketua UMNO K. Lipis

KUALA LIPIS, Sabtu. — Tan Sri Ghazali Shafie dipilih dengan sebulat suara oleh Mesyuarat Agung UMNO Cawangan Duta, Benta, Pahang, untuk menjadi Ketua UMNO Bahagian Kuala Lipis. Turut terpilih dengan sebulat suara ialah Tan Sri Senator Hj. Abdul Razak Hussain sebagai bakal Timbalan Ketua UMNO Bahagian tersebut.

Mesyuarat yang diadakan baru-baru ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undang Negeri daerah Benta, Encik Mohd. Zuki Haji Kamaludin.

Dalam mesyuarat yang sama, Encik Manap Jaafar terpilih sebulat suara menjadi Ketua Cawangan tersebut, sementara Raja Zainal Abidin Raja Mahmud terpilih menjadi timbalannya.

Raja Zainal Abidin, jurutera dan pengarah eksekutif syarikat binaan, dalam ucapan dasarnya berkata terdapat pemilikan umum kini yang dipengaruhi oleh surat-surat layang dan ceramah di kedai kopi.

"Mereka yang mendengar atau membaca sebaran pendapat politik seperti ini, tidak berupaya untuk merujuk dari sumber-sumber yang boleh dipercayai. Ini lantas menjadikan mereka terikut-ikut dan membuat keputusan mereka sendiri," kata Raja Zainal Abidin.

"Oleh itu," sambung beliau, "ketua atau pemimpin yang terlibat atau dipertikaikan hendaklah menerangkan secara terbuka akan taktik-taktik serupa ini. Sekretariat Ibu Pejabat UMNO juga patut membantu agar ia dapat meningkatkan kematangan pemikiran ahli-ahli UMNO."

Beliau juga turut mempersetujui betapa ahli UMNO itu patut membuat sesuatu pemilihan dengan rasional, terperinci dan kematangan berfikir. Ini amat penting untuk keutuhan parti.